

# AVAMINE COUGH SYRUP (Raspberry flavour)

Diphenhydramine Hydrochloride 14 mg/5ml & Ammonium chloride 135 mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Avamine
2. Bagaimana Avamine berfungsi
3. Sebelum mengambil Avamine
4. Cara menggunakan Avamine
5. Semasa menggunakan Avamine
6. Kesan-kesan sampingan Avamine
7. Cara penyimpanan dan pelupusan bagi Avamine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

### 1. Apakah kegunaan Avamine

Avamine digunakan untuk melegakan gejala-gejala batuk dan selesema, untuk mengurangkan batuk, melegakan bersin, hidung berair, mata berair dan melegakan sakit kerongkong.

### 2. Bagaimana Avamine berfungsi

Avamine mengandungi diphenhydramine yang merupakan sejenis antihistamina yang berfungsi menghalang bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan oleh badan manusia semasa reaksi alergi. Ammonium chloride mempunyai kesan kerengsaan pada membran mukus dan dianggap mempunyai sifat ekspektoran. Ia membantu memudahkan kahak untuk dibatuk keluar.

### 3. Sebelum mengambil Avamine

#### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai alahan terhadap antihistamina atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.
- Jika anda batuk lebih daripada satu minggu, dan cenderung untuk berulang, atau disertai demam, ruam atau sakit kepala yang berterusan.

#### *Mengandung dan Penyusuan Anak*

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda, jika anda mengandung atau cuba mengandung atau memberi susu ibu kepada bayi.

#### Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda:

- Jika anda menghadapi hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat)
- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuang air kencing
- Jika anda menghadapi glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- Jika anda mempunyai penyakit epilepsy
- Jika anda mempunyai masalah hati
- Jika anda menghadapi porfiria (sekumpulan gangguan genetik yang disebabkan oleh masalah dengan cara badan menghasilkan sejenis bahan yang dikenali sebagai heme. Heme membawa oksigen dalam dan boleh didapati di seluruh badan, terutamanya dalam darah dan sumsum tulang)
- Jika anda sedang atau pernah mengambil ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan, *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOIs)

#### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil

- ubat untuk merawat masalah kemurungan/depresi
- Sedatif, ubat yang membantu anda bertenang atau tidur
- ubat untuk mengawal masalah keresahan

### 4. Cara menggunakan Avamine

#### Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas: 1-2 sudu teh setiap 3-4 jam, tidak melebihi 12 sudu teh dalam 24 jam.
- Kanak-kanak lebih daripada 1 tahun: ½ -1 sudu teh setiap 4 jam,

tidak melebihi 6 sudu teh dalam 24 jam.

- Jangan bagi kanak-kanak yang kurang daripada 1 tahun kecuali dengan nasihat dan di bawah pengawasan doktor.

#### Bila perlu digunakan

- Avamine harus diambil tanpa bercampur dengan sebarang minuman.
- Cuba ambil ubat pada waktu yang sama setiap hari
- Ambil ubat mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

#### Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan ditentukan oleh doktor anda.

#### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

### 5. Semasa menggunakan Avamine

#### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang mengubati anda bahawa anda sedang menggunakan Avamine.
- Beritahu doktor anda jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

# AVAMINE COUGH SYRUP (Raspberry flavour)

Diphenhydramine Hydrochloride 14 mg/5ml & Ammonium chloride 135 mg/5ml

---

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini adalah preskripsi untuk anda sahaja. Jangan bagi orang lain. Ia mungkin tidak sesuai untuk orang lain walaupun mereka mempunyai tanda-tanda yang sama.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan minum minuman beralkohol semasa menggunakan Avamine.
- Jangan menggunakan Avamine jika anda mengandung atau menyusu anak
- Avamine mungkin akan menyebabkan rasa mengantuk. Jika berlaku, jangan memandu atau mengendalikan mesin.

## **6. Kesan-kesan sampingan Avamine**

Avamine mungkin mengakibatkan kesan-kesan sampingan. Jika anda menghadapi mana-mana yang berikut, berhenti menguna dan bincang dengan doktor anda.

- Sedatif, ubat yang membantu anda bertenang atau tidur.
- Kesan antimuskarinik (Kekeringan pada mulut, penglihatan kabur, sembelit, kesukaran membuang air kencing)
- Gangguan gastrousus

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

## **7. Cara penyimpanan and pelupusan Avamine**

### Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C dan lindungi daripada cahaya. Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dicetak pada komponen pembungkusan. Sila rujuk kepada karton luaran untuk keadaan penyimpanan.

### Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-

langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

Jauhi daripada kanak-kanak.

## **8. Maklumat lanjut**

### Rupa and warna produk

Avamine adalah sirap berwarna perang tua dengan perisa raspberi.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan Aktif:  
*Diphenhydramine* dan *Ammonium chloride*

Bahan-bahan tidak aktif:

*Purified water, Raspberry flavour, methyl paraben, sodium saccharin, glycerine, xanthan gum, caramel, chloroform spirit, citric acid, menthol, sodium citrate, refine sugar*

### Nombor MAL

Avamine Cough Syrup  
(Raspberry flavour)  
(MAL07050906AZ)

## **9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

AV MANUFACTURING SDN.  
BHD. (667760-v)  
Lot 10621, Jln Permata 2,  
Arab Malaysian Industrial Park  
71800 Nilai, NSDK, Malaysia.

## **10. Tarikh kemaskini RiMUP**

30/04/2015

### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)280415/00083